
Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 13 Ogos 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEDUA 2021

KDNK Malaysia melonjak 16.1 peratus pada ST2 2021 setelah menguncup empat suku tahun berturut-turut dengan pelaburan aset tetap meningkat 16.5 peratus buat pertama kali sejak 2019

PUTRAJAYA, 13 Ogos 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini telah menerbitkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku tahun kedua 2021 yang mana menunjukkan prestasi keseluruhan ekonomi Malaysia.

KDNK Malaysia meningkat 16.1 peratus pada suku tahun kedua 2021 setelah menguncup empat suku tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang kukuh bagi suku tahun ini turut disebabkan oleh asas rendah yang direkodkan pada suku tahun kedua 2020. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK menyusut 2.0 peratus daripada 2.7 peratus pada suku tahun sebelumnya. Berdasarkan pertumbuhan yang direkodkan, aras nilai ekonomi Malaysia pada suku tahun ini kekal lebih rendah berbanding aras pra pandemik pada suku tahun keempat 2019. Dari segi prestasi KDNK bulanan, April dan Mei masing-masing meningkat kepada 40.1 peratus dan 19.8 peratus. Bagi bulan Jun, KDNK menyusut 4.4 peratus dipengaruhi oleh *total lockdown* di seluruh negara dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diperketatkan dan hanya perkhidmatan perlu dibenarkan beroperasi. Oleh itu, ekonomi Malaysia telah bertumbuh 7.1 peratus pada separuh pertama tahun 2021 (1H 2020: -8.4%).

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Prestasi ekonomi pada suku tahun kedua 2021 dari segi penawaran disokong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam sektor Pembuatan dan pemulihan bagi sektor Perkhidmatan. Sementara itu, dari segi permintaan, pertumbuhan dipengaruhi oleh pengukuhkan bagi perbelanjaan isi rumah dan pertumbuhan memberangsangkan bagi eksport bersih. Di samping itu, pelaburan aset tetap turut pulih pada suku tahun ini setelah merekodkan penyusutan pada sembilan suku tahun berturut-turut”.

Beliau menyatakan bahawa, “Sektor **Perkhidmatan** yang mana merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia, bertumbuh 13.4 peratus pada suku tahun kedua 2021 berbanding penyusutan 2.3 peratus pada suku tahun pertama 2021. Prestasi ini dipacu oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit yang terus berkembang dengan kadar yang lebih kukuh pada 21.0 peratus (ST1 2021: 1.2%) diikuti oleh pertumbuhan yang lebih tinggi bagi subsektor Kewangan & insurans (23.3%) dan Pengangkutan & penyimpanan (37.2%). Subsektor Maklumat dan komunikasi bertumbuh 5.9 peratus berbanding 6.3 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sementara itu, subsektor Makanan & minuman dan penginapan berkembang 9.1 peratus daripada penyusutan 29.8 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi asas suku tahun ke suku tahun, keseluruhan sektor Perkhidmatan menguncup 3.5 peratus (ST1 2021: -4.8%).”.

Sektor **Pembuatan** bertumbuh lebih laju pada kadar 26.6 peratus (ST1 2021: 6.6%) bagi suku tahun kedua 2021, namun bagi asas suku tahun ke suku tahun, sektor ini merekodkan penyusutan marginal 0.1 peratus. Pertumbuhan sektor Pembuatan dipacu oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik (28.0%) dan Produk elektrik, elektronik & optikal (26.3%) yang mana turut digambarkan oleh pertumbuhan kukuh dalam eksport barang yang direkodkan pada suku tahun ini. Pertumbuhan lebih tinggi turut didorong oleh peningkatan dalam Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pemberian (41.6%) dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (33.5%).

Sektor **Pembinaan** berkembang 40.3 peratus daripada penyusutan 10.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Kejuruteraan awam masing-masing merekodkan pertumbuhan 58.1 peratus dan 50.0 peratus. Selain itu, subsektor Bangunan bukan kediaman (34.8%) dan Bangunan kediaman (16.3%) turut bertambah baik pada suku tahun ini. Walau bagaimanapun, sektor Pembinaan merosot 8.8 peratus pada asas suku tahun ke suku tahun.

Sektor **Perlombongan & pengkuarian** merekodkan pertumbuhan dua-digit 13.9 peratus (ST1 2021: -5.0%) pada suku tahun kedua 2021. Peningkatan tersebut didorong oleh pertumbuhan yang lebih baik dalam subsektor Gas asli dan Minyak mentah & kondensat yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan 21.9 peratus dan 4.9 peratus. Sementara itu, prestasi asas suku tahun ke suku tahun merekodkan penyusutan 0.5 peratus.

Sebaliknya, sektor **Pertanian** menyusut 1.5 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.2 peratus pada suku tahun pertama 2021. Penguncupan tersebut terutamanya dipengaruhi oleh penyusutan dalam subsektor Kelapa sawit (-10.9%). Sementara itu, subsektor Pertanian lain dan Ternakan masing-masing terus berkembang pada 6.0 peratus dan 6.3 peratus.

Mengulas lanjut dari segi perbelanjaan, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa kesemua komponen perbelanjaan mencatatkan pertumbuhan positif pada suku tahun kedua 2021 disokong oleh Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta yang menyumbang 55.0 peratus kepada KDNK suku tahun kedua 2021, meningkat 11.6 peratus (ST1 2021: -1.5%) didorong oleh peningkatan penggunaan dalam Pengangkutan, Makanan & minuman bukan alkohol dan Komunikasi. Penggunaan yang tinggi bagi Pengangkutan adalah disebabkan peningkatan pembelian kenderaan bermotor pada dua bulan pertama bagi suku tahun ini oleh isi rumah berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Di samping itu, Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah dan Restoran & hotel yang mana bukan perbelanjaan utama turut mencatatkan pertumbuhan positif pada suku tahun ini seiring dengan peningkatan dalam sektor Perkhidmatan. Bagi prestasi suku tahun ke suku tahun, keseluruhan prestasi Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan penyusutan 11.5 peratus.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan aset tetap bertumbuh 16.5 peratus (ST1 2021: -3.3%) setelah merekodkan penyusutan bagi sembilan suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan bagi PMTK disokong oleh pertumbuhan dua-digit dalam Struktur dan Jentera & peralatan pada suku tahun ini. Peningkatan PMTK secara berperingkat ini dapat dilihat sebagai pemangkin keupayaan ekonomi yang lebih tinggi untuk meningkatkan pengeluaran output pada masa hadapan. PMTK mencatatkan penurunan 2.7 peratus bagi prestasi suku tahun ke suku tahun.

Ketua Perangkawan turut menyatakan bahawa “**Eksport bersih** melonjak 34.3 peratus daripada pertumbuhan marginal 0.8 peratus pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh peningkatan **Eksport dan Import** yang masing-masing meningkat 37.4 peratus (ST1 2021: 11.9%) dan 37.6 peratus (ST1 2021: 13.0%). Prestasi bagi eksport diterajui oleh eksport barang yang berkembang 40.2 peratus terutamanya bagi barang elektrik & elektronik”.

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan terus berkembang 9.0 peratus (ST1 2021: 5.9%) disokong oleh peningkatan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang disebabkan oleh perbelanjaan berkaitan dengan kesihatan pada suku tahun ini.

Merumuskan situasi ekonomi secara keseluruhan, Ketua Perangkawan menyatakan, “Indikator ekonomi jangka pendek, Indeks Pelopor (IP) bagi Mei 2021 menunjukkan ekonomi Malaysia dijangka menghadapi cabaran dalam mengekalkan momentum pemulihan. Peningkatan program vaksinasi oleh Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan pelbagai inisiatif seperti Pakej Pelindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) dan Pelan Pemulihan Negara yang telah diumumkan oleh Kerajaan dilihat dapat meningkatkan keyakinan isi rumah dan perniagaan bagi merangsang aktiviti ekonomi dan kestabilan sosial”. Peralihan dan adaptasi dalam perkembangan teknologi dan digitalisasi dalam perniagaan seperti e-dagang adalah penting bagi merangsang dan meningkatkan kebersaingan ekonomi Malaysia. Data

terkini menunjukkan pendapatan daripada transaksi e-dagang meningkat kepada 23.3 peratus pada suku tahun kedua 2021 dengan RM267.6 bilion terutamanya dipacu oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan”.


Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Diterbitkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 OGOS 2021**


LAMPIRAN 1

Carta 1: KDNK (RM Bilion) dan Perubahan Peratusan Tahunan (%)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Pertumbuhan KDNK (tahun ke tahun)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 3: Kadar Pertumbuhan (ST1 1995 –ST2 2021)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 5: KDNK Pelarasan Musim (Peratus Perubahan dari Suku Tahun Sebelumnya)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, 13th August 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

FOR MALAYSIA ECONOMIC PERFORMANCE SECOND QUARTER OF 2021

GDP surged 16.1 per cent after four consecutive quarters of contraction with fixed assets investment rebounded 16.5 per cent for the first time since 2019

PUTRAJAYA, 13 August 2021 – The Department of Statistics, Malaysia today released the Gross Domestic Product (GDP) for the second quarter of 2021, which presents the overall performance of Malaysia’s economy.

Malaysia’s GDP increased 16.1 per cent in the second quarter of 2021 after four consecutive quarters of contraction. However, the strong growth for this quarter was also attributed to the low base recorded in the second quarter of 2020. On a quarter-on-quarter seasonally adjusted basis, GDP contracted 2.0 per cent from 2.7 per cent in the preceding quarter. Based on growth recorded, the level of economic value in this quarter remained lower than the pre-pandemic level of fourth quarter 2019. In terms of monthly GDP performance, April and May rose to 40.1 per cent and 19.8 per cent respectively. As for June, GDP dropped 4.4 per cent influenced by a total lockdown nationwide with tightened Standard Operating Procedure (SOP) and only essential services were allowed to operate. Hence, Malaysia’s economy grew by 7.1 per cent in the first half of 2021 (1H 2020: -8.4%).

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “The economic performance in the second quarter of 2021 was supported by the continuous growth in Manufacturing sector and the rebound of Services sector on the supply side. Meanwhile on the demand side, the growth was influenced by the expansion in households consumption and favourable growth in net exports. Furthermore, fixed assets investment also rebounded in this quarter after recorded nine consecutive quarters of contraction”.

He added that, “The **Services** sector which was the main contributor to Malaysia’s economy, grew 13.4 per cent in the second quarter of 2021 compared to a decline of 2.3 per cent in the first quarter of 2021. The performance was driven by the Wholesale and retail trade sub-sector which continued to expand at a stronger pace of

21.0 per cent (Q1 2021: 1.2%) followed by the higher growth in Finance & insurance (23.3%) and Transportation & storage (37.2%) sub-sectors. Information and communications sub-sector grew 5.9 per cent as against 6.3 per cent in the previous quarter. Meanwhile, the Food & beverage and accommodation sub-sector expanded 9.1 per cent from a decline of 29.8 per cent in the preceding quarter. On a quarter-on-quarter basis, the overall Services sector declined 3.5 per cent (Q1 2021: -4.8%)”.

The **Manufacturing** sector grew at a faster rate of 26.6 per cent (Q1 2021: 6.6%) in the second quarter of 2021, but on a quarter-on-quarter basis this sector recorded a marginal decline 0.1 per cent. The growth of Manufacturing sector was driven by Petroleum, chemicals, rubber & plastics products (28.0%) and Electrical, electronic & optical products (26.3%) which also reflected in the strong growth in exports of goods recorded in this quarter. The higher growth was also attributed by the increased in Transport equipment, other manufacturing & repair (41.6%) and Non-metallic mineral products, base metals and fabricated metal products (33.5%).

The **Construction** sector expanded 40.3 per cent from a decrease of 10.4 per cent in the previous quarter. The performance was backed by Specialised construction activities and Civil engineering which recorded 58.1 per cent and 50.0 per cent respectively. Furthermore, the Non-residential buildings (34.8%) and Residential buildings (16.3%) sub-sectors also improved in this quarter. Nevertheless, Construction sector declined 8.8 per cent on a quarter-on-quarter basis.

The **Mining & Quarrying** sector recorded a double-digit growth of 13.9 per cent (Q1 2021: -5.0%) in the second quarter of 2021. The increase was supported by the improvement in Natural gas and Crude oil & condensate sub-sectors which registered a growth of 21.9 per cent and 4.9 per cent respectively. Meanwhile, the quarter-on-quarter performance recorded a decrease of 0.5 per cent.

On the other hand, the **Agriculture** sector dipped 1.5 per cent as compared to a marginal growth of 0.2 per cent in the first quarter of 2021. The decrease was mainly influenced by the decline in Oil palm (-10.9%) sub-sector. Meanwhile, the Other agriculture and Livestock sub-sectors expanded further at 6.0 per cent and 6.3 per cent respectively.

Commenting further on the expenditure side, the Chief Statistician Malaysia mentioned that all components of expenditure registered positive growth in the second quarter of 2021 anchored by Private final consumption expenditure and Gross fixed capital formation.

Private final consumption expenditure which contributed 55.0 per cent of GDP in the second quarter of 2021, increased 11.6 per cent (Q1 2021: -1.5%) attributed to the higher consumption in Transport, Food & non-alcoholic beverages and Communication. The exceptionally higher consumption of Transport was attributed to the higher purchase of motor vehicles in the first two months of the quarter by households compared to the same period of last year. Furthermore, Furnishing, household equipment & routine household maintenance and Restaurants & hotels which were non-essential expenditure also registered positive growth during the quarter in line with the hitched up in Services sector. On a quarter-on-quarter basis, the overall performance of Private final consumption expenditure posted a decrease of 11.5 per cent.

Gross fixed capital formation (GFCF) or investment on fixed assets grew 16.5 per cent (Q1 2021: -3.3%) after recorded a contraction for the past nine quarters. The growth of GFCF was supported by a double-digit growth of Structure and Machinery & equipment in this quarter. The gradual improvement of GFCF can be seen as a catalyst for higher economic capacity to uplift the production of the future output. GFCF registered a decrease of 2.7 per cent on a quarter-on-quarter performance.

The Chief Statistician also iterated that “**Net exports** soared 34.3 per cent from marginal growth of 0.8 per cent in the preceding quarter as reflected by the edged up in **Exports** and **Imports** which accelerated to 37.4 per cent (Q1 2021: 11.9%) and 37.6 per cent (Q1 2021: 13.0%) respectively. The performance in export was led by exports of goods which expanded 40.2 per cent mainly in electric & electronics goods”.

The **Government final consumption expenditure** further expanded to 9.0 per cent (Q1 2021: 5.9%) supported by higher spending on supplies and services attributed to the health-related expenditure in this quarter.

Concluding the overall economic situation, the Chief Statistician said, “The short-term economic indicator, Leading Index (LI) for May 2021 signals that the Malaysian economy is anticipated to face challenges in preserving the recovery momentum. The acceleration of vaccination programme by the National COVID-19 Immunisation Programme (PICK) and the various initiatives such as Pakej Pelindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) and National Recovery Plan announced by the Government may boost up the households and business confidence to stimulate economic activity and social stability. The transition and adaptation of technological advancement and digitalisation in businesses such as e-commerce is vital to steer up Malaysia’s economy and competitiveness. Recent data shows that, income from e-commerce transactions rose to 23.3 per cent in the second quarter 2021 with RM267.6 billion mainly driven by Manufacturing and Services sectors”.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.


Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA


13 AUGUST 2021

Chart 1: GDP (RM Billion) and Annual Percentage Change (%)




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 2: GDP Growth (year-on-year)




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 3: GDP Growth (Q1 1995 – Q2 2021)




Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 4: Quarterly GDP Growth by Kind of Economic Activity



Source: Department of Statistics Malaysia

Chart 5: Seasonally Adjusted GDP (Percentage Change from Preceding Quarter)



Source: Department of Statistics Malaysia